

MAHATHIR-MERDEKA 1984

KUALALUMPUR, 31 OGOS (BERNAMA) --- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENDEDAHKAN TENTANG ADANYA ANAK-ANAK MELAYU YANG MALU MENGAKUI DIRINYA MELAYU AKIBAT TERPENGARUH DENGAN DAKYAH SEBUAH PARTI POLITIK TERTENTU.

PERDANA MENTERI BERKATA PERASAAN +MALU MENJADI MELAYU+ INI DITANAM OLEH GOLONGAN TERTENTU YANG MENGGANGGOTAI SEBUAH PARTI YANG KONONNYA MEMPERJUANGKAN ISLAM.

+PADAHARI INI TERDAPAT ANAK-ANAK MUDA YANG TIDAK MENGAKUI IA MELAYU KONONNYA MENJADI MELAYU ITU HARAM. PERASAAN MALU INI SUDAH DITANAM DI HATI MEREKA TENTANG BANGSA MEREKA SENDIRI KONONNYA MENJADI MELAYU ITU BERTENTANGAN DENGAN ISLAM, +KATANYA.

+GOLONGAN ITU MENDAKWA SESIAPA YANG MENGAKUI DIA ORANG MELAYU, DIA TERMASUK DALAM GOLONGAN ABBASİYAH, +TAMBAHNYA SEMASA MERAIKAN 444 ORANG PEJUANG MENENTANG MALAYAN UNION DALAM SATU JAMUAN MAKAN MALAM DI BANGUNAN PARLIMEN MALAM TADI.

DR. MAHATHIR MENGGESA RAKYAT SUPAYA TIDAK TERPENGARUH DENGAN DAKYAH SEUPAMA ITU OLEH ANGGOTA-ANGGOTA PARTI YANG, KONONNYA ISLAM DAN SANGGUP MEMPERALATKAN ISLAM DENGAN CARD YANG TIDAK HALAL. --LAGI 0932MST 31 08 '84'

0296

RBB 19 DEB

MAHATHIR-MERDEKA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA GOLONGAN ITULAH SEBENARNYA YANG +ABBASİYAH+ KERANA MEREKA TERLALU TERPENGARUH DENGAN SESUATU SEHINGGA MENOLAK BANGSA DAN AGAMA SENDIRI.

BELIAU BERKATA PENGARUH KUMPULAN ITU JUGA MENYEBABKAN HILANG RASA KESYUKURAN TERHADAP NIKMAT KEMERDEKAAN DI KALANGAN ANAK MUDA SEHINGGA ADA YANG MENGGANGAP KEMERDEKAAN ITU SATU PERKARABIASA DAN BUKAN ISTIMEWA DAN ORANG-ORANG YANG MEMPERJUANGKAN KEMERDEKAAN NEGARA TIDAK MEMPUNYAI NILAI.

+USHA KUMPULAN MANUSIA YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB, ANGUH DAN SOMBONG INI BERJAYA BUKAN SAHAJA SETAKAT MENGHAPUSKAN KESYUKURAN TERHADAP KEMERDEKAAN BAHKAN MENIMBULKAN SEMANGAT KEBANGSAAN SENDIRI DAN KEMELAYUAN ITU SENDIRI SESUATU YANG TIDAK HARUS DISANJUNG TINGGI, +

PERDANA MENTERI BIMBANG JIKA PERASAAN NASIONALIS ITU DIHAPUSKAN SUDAHTENTUKAN MENGAKIBATKAN HILANGNYA KEMERDEKAAN NEGARA INI.

+TIDAK MUNGKIN KEMERDEKAAN, DAPAT DITUNTUT KEMBALI DLEH KERANA ORANG YANG MENGAMBIL ALIH PENTADBIRAN NEGARA TIDAK AKAN MELAYAN TUNTUTAN KITA, +TAMBAHNYA. --LAGI

MAHATHIR-MERDEKA 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MENGINGATKAN TANPA PERJUANGAN PEJUANG-PEJUANG KEMERDEKAAN
20 HINGGA 30 TAHUN LALU, NEGARA SEHINGGA HARI INI MASIH DIJAJAH OLEH
PIHAK LAIN.

BELIAU KESAL KERANA GOLONGAN ITU DISAMPING TIDAK INSAF ATAS
NASIB YANG DIPEROLEHI HASIL DARI KEMERDEKAAN, TELAH JUGA MENGECEM
TINDAKAN YANG DIAMBIL OLEH KERAJAAN YANG PEMIMPINNYA SEBILANGAN
BESAR TERDIRI DARIPADA ORANG MELAYU.

DR. MAHATHIR BERKATA, MEREKA MENDAKWA DASAR EKONOMI BARU YANG
DIUSAHAKAN OLEH KERAJAAN CUMA MENGUNTUNGGAN SEBILANGAN KECIL ORANG
MELAYU.

+YANG ANIHNIA ORANG YANG MEMBUAT TUDUHAN SEPERTI ITU, YANG
MENERIMA NIKMAT. JIKA TIDAK KERANA DASAR EKONOMI BARU, MEREKA TIDAK
DAPAT PELAJARAN DAN TIDAK DAPAT BERUCAP KERANA TIDAK SESXAPA PUN
YANG AKAN PANDANG TINGGI KEPADA MEREKA, +TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI MENGINGATKAN JIKA HENAR DEO TIDAK MEMBAWA
FAEDAH, GOLONGAN ITU HENDAKLAH MENOLAK PELUANG-PELUANG YANG
DIBERIKAN MENERUSI DASAR TERSEBUT.

+GOLONGAN INI TIDAK PERNAH INSAF DAN SYUKUR. SETELAH MENDAPAT
NIKMAT DAN PERTOLONGAN YANG DIUSAHAKAN OLEH KERAJAAN, MEREKA MAKI
HAMUN ORANG YANG MEMBERI PERTOLONGAN KEPADA MEREKA. ORANG YANG
SEMACAM INI TIDAK AKAN MENDAPAT NIKMAT LAGI, +TEGASNYA. --LAGI
0943MST 31 08 84

- D298

R B821 DEB

MAHATHIR-MERDEKA 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MAHU PEJUANG-PEJUANG KEMERDEKAAN DAN
MEREKA YANG TELAH BERUMUR MENERUSKAN PERJUANGAN UNTUK MENIMBULKAN
KESEDARAN PADA ANAK-ANAK MUDA YANG TIDAK TAHU MENGHARGAI RASA
PERJUANGAN DAN JUGA TERHADAP ORANG-ORANG YANG +ANGKUH DAN SOMBONG+
SERTA TIDAK INSAF TENTANG NIKMAT YANG DIPEROLEHI.

+JIKAKITA TIDAK DAPAT MENIMBULKAN RASA INSAF DI KALANGAN
ANAK-ANAK MUDA SEHINGGA MEREKA MASIH TIDAK TAHU MENGHARGAI
PERJUANGAN, KITA BOLEH DIKATAKAN GAGAL, +KATANYA

+KEPADA YANG ANGGUH DAN SOMBONG PULA, BAHAYA DAN BALASAN TIDAK
BAIK TETAP DATANG PADA MEREKA KERANA TIDAK TAHU BERSYUKUR ATAS
NIKMAT PEMBERIAN TUHAN, +PESAN PERDANA MENTERI.

PEJUANG-PEJUANG YANG MENENTANG MALAYAN UNION TERMASUK HAJI SAMAN
SAAD, YANG BERUMUR 128 TAHUN BERADA DI IBU NEGARA MENYERTAI PERARAKAN
HARI KEBANGSAAN. --BERNAMA.

0944MST 31 08 84